

23/06/2003

Pas amal hipokrit peringkat tinggi: Rafidah

Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: Tindakan Pas memperalatkan agama bagi mendakwa dirinya sebagai parti Islam diselar sebagai `amalan hipokrit peringkat tertinggi'

kerana sanggup memutar belitkan agama sendiri semata-mata untuk meraih sokongan pengundi bukan Melayu.

Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata rakyat negara ini, tidak kira orang Islam atau sebaliknya, tidak wajar terpedaya dengan dakyah politik Pas kerana ia mampu menggugat asas keharmonian serta perpaduan rakyat selain perpecahan di kalangan umat Islam sendiri.

"Kita tahu Pas guna cara tertentu untuk menarik hati orang bukan Islam.

Sambil dia bercakap mengenai orang bukan Islam yang dianggap kafir dan dipandang rendah oleh mereka, ada pula caranya digula-gulakan mereka. Ini

bukti Pas mengamalkan hipokrasi tahap tertinggi.

"Jadi kita harus sentiasa menerangkan kepada masyarakat, Melayu dan bukan Melayu, Islam dan bukan Islam, bahawa Pas bukan satu parti yang memperjuangkan Islam. Ia satu parti yang bukan saja memesongkan fahaman Islam tetapi mengkhianati Islam dan memecahbelahkan orang Melayu.

"Amalan Pas yang cuba memecahbelahkan orang Islam dengan mengatakan hanya Islam mengikut cara dia saja betul dan semua yang lain kafir bermakna, hampir 40 peratus orang Melayu tidak masuk dalam buku orang Pas," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), semalam.

Beliau berkata demikian apabila mengulas ucapan penggulungan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Perhimpunan Agung Umno Ke-54 kelmarin, yang antara lain membidas Pas sebagai parti yang memperalatkan Islam untuk kepentingan politik peribadi.

Rafidah berkata, dengan strategi menjadikan orang Islam sebagai matlamat

perjuangannya, Pas mengenyepikan kepentingan lebih 40 peratus penduduk negara ini yang tergolong daripada masyarakat bukan Islam yang pelbagai kaum.

Katanya lagi, generasi muda negara harus memberi perhatian dan mengingati amanat yang disampaikan Perdana Menteri pada perhimpunan agung kelmarin dan menjadikannya sebagai pedoman membangunkan negara mencapai status negara maju.